



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan

ACADEMY OF LANGUAGE STUDIES

Edition: 15/2025

APB REMBAU E-BULLETIN

EDITORIAL BOARD

PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

COORDINATOR

Prof. Madya Dr Norwati Hj
Roslim

CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke,
Carolyn

EDITORIAL COMMITTEE

Khairon Nisa Shafeei
Shahrul Muhazad Shahrudin
Nadiah Yahyauddin

e-ISSN: 2682-776X


Sejauh Mana Anda Mengetahui Perkembangan Artificial Intelligence AI (Kecerdasan Buatan) di Malaysia?

Ditulis oleh: Faddliza Mohd Zaki dan Nurhidayah Nasharudin

Dewasa ini, dunia melalui fasa perkembangan teknologi yang sangat pesat. Mesin bukan sahaja dicipta untuk memudahkan kerja manusia, tetapi mesin juga dicipta untuk mempunyai kemahiran berfikir supaya pintar seperti manusia. Kecerdasan Buatan atau lebih dikenali sebagai Artificial Intelligence (AI) merupakan teknologi yang tidak dapat disangkal lagi untuk memacu kemajuan sesebuah negara. Penggunaannya sangat meluas dan merangkumi pelbagai sektor yang berkaitan sains dan teknologi seperti pendidikan, perniagaan, automotif, ekonomi dan kesihatan. Persoalannya, sejauh mana anda mengetahui perkembangan AI di Malaysia? Artikel ini ditulis bertujuan member maklumat berkaitan AI di Malaysia, bukan secara mendalam, tetapi cukup untuk anda tahu bagaimana Malaysia berjalan seiring dengan teknologi baru ini.

John McCarthy, seorang saintis terkemuka Amerika Syarikat mendefinisikan AI sebagai gabungan sains dan kejuruteraan dalam pembuatan peranti pintar. Nyatanya, AI telah lama wujud, tetapi menjadi semakin canggih dan diadaptasi dalam pelbagai

aspek kehidupan. Contohnya, aplikasi Waze dan Google Maps yang member arah perjalanan kepada pengguna dengan lebih mudah dan pantas, *self-check in machine* dan *book drop machine* di perpustakaan, RFID tag yang digunakan pemandu lebuhraya untuk membayar caj tol yang dikenakan dan aplikasi *Siri* pada peralatan elektronik ciptaan Apple Inc. Antara aplikasi AI yang lain adalah ChatGPT, Quillbot, WordAI dan CopyAI yang digunakan dalam pelbagai situasi samada penulisan ataupun penyelesaian masalah.



Gambar 1: Aplikasi *Siri* di Macbook Air keluaran Apple Inc.

Di Malaysia, Perbadanan MyDIGITAL melalui Kementerian Digital telah mewujudkan Pejabat AI Kebangsaan (NAIO) pada Disember 2024 yang berperanan untuk menggubah Malaysia menjadi pengeluar AI daripada hanya

menjadi pengguna AI. Lima (5) misi utama NAIIO adalah memacu pelaburan AI, mempromosi inovasi AI, memupuk Kerjasama, merangka dasar yang kukuh dan menyokong tadbir urus dan keselamatan. Disamping itu, pada September 2024, Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara telah dilancarkan (AIGE). AIGE member tatacara penggunaan teknologi AI yang selamat dengan menyediakan kerangka kerja bagi pengguna, penggubal polisi dan penyedia teknologi AI. Dalam pada itu, AIGE menekankan aspek keselamatan, privasi, kebebasan dan hak asasi manusia yang perlu diutamakan dalam pembangunan teknologi di Malaysia.

Kementerian juga telah mengarahkan universiti-universiti tempatan untuk mengambil inisiatif mewujudkan dan menawarkan program dan kursus berkaitan AI untuk memenuhi keperluan semasa dan industri. Universiti pertama yang menawarkan program AI adalah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu program *Bachelor in Artificial Intelligence with Honours*. Tambahan pula, UTM merupakan university pertama yang mewujudkan fakulti AI, dikenali sebagai *Faculty of Artificial Intelligence*. Ini member gambaran jelas AI adalah satu keperluan untuk memenuhi keperluan semasa dan melahirkan graduan yang kompeten dengan

fenomena AI. Universiti lain yang menawarkan program dan kursus berkaitan AI adalah Universiti Malaya (UM) dengan penawaran *Bachelor of Computer Science (Artificial Intelligence)*, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan penawaran *Master of Computer Science (Artificial Intelligence)* dan Monash Universiti dengan penawaran *Master of Artificial Intelligence*.

Kerajaan Malaysia menunjukkan kesungguhan dalam memberi kesedaran mengenai AI kepada rakyat. Ini dapat dilihat dengan beberapa program yang telah dianjurkan. Misalnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Syarikat Pixlr telah menganjurkan program 'AI 4 Belia' untuk meningkatkan kesedaran belia tentang kepentingan AI. Selain itu, program ini dapat memberi galakan kepada penggunaan AI di kalangan belia serta memperkasakan kemahiran AI kepada mereka. Program lain yang dianjurkan adalah 'AI untuk Rakyat' iaitu program pembelajaran sendiri dalam talian yang direka untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran orang ramai terhadap AI.

Secara keseluruhan, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam memastikan ia meneraju teknologi dan aplikasi AI di rantau ini.

Kementerian Digital telah mengambil langkah proaktif supaya agenda AI di Malaysia dapat dilaksanakan dengan jaya dan mencapai matlamat supaya seiring dengan perubahan teknologi yang tiada henti. Akhir kata, semoga artikel ini bermanfaat menambahkan pengetahuan anda berkenaan perkembangan AI di Malaysia.

Rujukan:

Kementerian Digital. (2025, Mac 12). Mengenai Pejabat AI Kebangsaan (NAIO). <https://ai.gov.my/ms/about-naio>

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2025, Mac 12). AI 4 Belia. <https://www.mosti.gov.my/en/berita/ai-4-belia/>

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. (2025, Mac 12). MOSTI Lancar Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika Kecerdasan Buatan Negara (AIGE). <https://www.mosti.gov.my/en/siaran-kenyataan-media/mosti-lancar-garis-panduan-tadbir-urus-dan-etika-kecerdasan-buatan-negara-aige/>

MyDigital. (2025, Mac 12). AI untuk Rakyat. <https://www.mydigital.gov.my/bm/ai-untuk-rakyat/>